



# Program PENAJAAN NASIONAL (PPN)

## DESKRIPSI PROGRAM

Program Penajaan Nasional (PPN) merupakan penajaan kepada pelajar paling cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pelajaran ke universiti terkemuka dunia.

Calon-calon yang terpilih akan ditawarkan penajaan bagi mengikuti pengajian peringkat persediaan sehingga ke peringkat ijazah pertama di universiti terkemuka dunia di Amerika Syarikat (USA) dan United Kingdom (UK), tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

## MEKANISMA PENAJAAN

Penajaan program ini adalah dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU).

## CARA PERMOHONAN

Permohonan program ini adalah berdasarkan kaedah kenal pasti calon yang akan dilaksanakan oleh JPA. Senarai calon-calon yang memenuhi syarat program akan diumumkan dalam laman web JPA. Calon-calon yang berminat dipelawa untuk mengisi *eprofiling* di Portal Rasmi Pembangunan Modal Insan JPA <https://esilav2.jpa.gov.my/> untuk memohon penajaan ini.

## MAKLUMAT PERHUBUNGAN

- E-mel: [penawaranisp@jpa.gov.my](mailto:penawaranisp@jpa.gov.my)
- Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA):  
<https://jpa.spab.gov.my/eApps/system/index.do>

